

Sebelum tuan-tuan terikut-ikut kepada langkah Pejabat Agama Negeri Sembilan meminta kerajaan mengharamkan kitab:

# IBADAH RASULULLAH

## *ṣallā Allahu ‘alayhi wa sallam*

Maka terlebih dahulu tuan-tuan hendaklah dengan tenang membacanya dan menatapnya kerana kita beribadat hanya mengikut yang ditunjukkan oleh Allah yang disampaikan oleh Rasul-Nya Muhammad (SAW).

Dijadikan sebab oleh Jabatan Agama Negeri Sembilan mengharamkan hanya kerana kata pengarang kitab ini:

“Adapun lembu, kambing, susu, labi-labi dan penyu, biawak, landak dan ular tetap atas hukumnya yang asal iaitu mubah, atau: halal kerana tidak terdapat satu pun dalil yang mengharamkannya.”

Di dalam kitab: “Soal Jawab” – karangan *al-Ustādh* Hasan ibn Ahmad “*Naylu al-Arūṭā*” (bahasa arab) karangan *al-Shawkānī* dan beberapa kitab-kitab lagi yang sedang dijual di serata semenanjung ini dari lama dahulu yang tidak pernah dituntut diharamkan dalam perkara ini yang ada membawa pendapat dan pengertian yang sama seperti ini. Kerana itu hendaklah tuan-tuan baca dan periksa baik-baik dahulu sebelum tuan-tuan terikut-ikut!

Pengarang kitab ini – ialah al-Ustādh ‘Uthmān Abū Bakar al-Ash‘arī, seorang ulama yang terkemuka di Perlis. Beliau adalah berkelulusan al-Azhar dan pernah menuntut kepada al-Sayyid Rashīd Riḍā, ulama Mesir yang terkenal. Kerana ia sebenarnya seorang ulama maka sudah terang karangannya “Ibadah Rasulullah” ini insha’ Allāh tidak akan menyesatkan tuan-tuan kerana dalam pengertiannya: pokok beribadah hanyalah kepada kitab Allah dan sunnah Rasul-Nya sahaja.

### **Pesan sebelum kehabisan kepada:**

QALAM

356/8, Geylang Road,

Singapore 14.

atau kepada wakil-wakil penjual majalah-majalah Qalam di seluruh Persekutuan Tanah Melayu, Brunai, Sarawak,

dan Borneo Utara.

Tatap dan perhatikan sendiri supaya jangan ketinggalan

harga senaskhah \$3 pos 20 sen.